

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID
BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa jumlah terkini peserta yang terlibat dalam program Skim Perantisan Nasional (SPN) sehingga kini, dan program ini akan diperluaskan lagi pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Skim Perantisan Nasional (SPN) melibatkan penempatan latihan perantisan selama 6 bulan. Perantis akan ditempatkan di syarikat mengikut keperluan bidang kerja dan kemahiran yang diperlukan oleh syarikat tersebut. Dalam tempoh penempatan selama 6 bulan ini, perantis akan mengikuti latihan kemahiran *soft skill* yang dikendalikan oleh penyedia latihan secara berkala.
2. Sehingga 21 Oktober 2020, statistik data SPN adalah seperti berikut:

Jumlah permohonan keseluruhan perantis SPN	2,030 orang
Jumlah Syarikat dan <i>Training Provider</i>	62 syarikat 3 <i>Training Provider</i>
Jumlah penempatan	636 orang
Jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh Syarikat dan <i>Training Provider</i>	501 kekosongan

3. Perancangan untuk program Skim Perantisan Nasional ini dicadangkan untuk diperluaskan lagi sehingga tahun 2021 dengan melibatkan lebih banyak syarikat-syarikat berkaitan kerajaan serta lain-lain syarikat dan agensi di bawah kementerian.

Sekian, terima kasih.